

23/10/1998

Tiada kemahiran punca tersisih

Rosmin Darus

PENGALAMAN negara sedang membangun menunjukkan wanita menghadapi masalah mendapat hak pemilikan tanah, input pertanian dan layanan kurang adil dalam bidang teknologi, perkhidmatan lanjutan serta pinjaman bank.

Presiden Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar (ISC), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata kurang kemahiran dan kelayakan turut membataskan peluang wanita dalam sektor pengambilan pekerja secara rasmi.

Menurutnya, program pembasmian kemiskinan di negara ini bermatlamat meningkatkan status kehidupan wanita dan keluarga, khususnya mereka yang menetap di kawasan dikenal pasti mempunyai kadar kemiskinan tinggi.

"Kajian menunjukkan bahawa pembabitan wanita dalam kegiatan yang menghasilkan pendapatan meningkat kira-kira 35 peratus daripada seluruh pendapatan keluarga, sekali gus membantu meningkatkan tahap kehidupan keluarga masing-masing."

"Kajian itu membabitkan wanita dalam program agensi pembangunan luar bandar seperti Jabatan Pertanian, Kemas, Risda, Felcra dan pertubuhan peladang," katanya ketika membentangkan laporan negara di Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar (ISC), di Kuala Lumpur, semalam.

Mesyuarat ISC bertujuan menilai kemajuan pelaksanaan pelan tindakan untuk merealisasikan Deklarasi Geneva bagi kemajuan wanita luar bandar di peringkat antarabangsa dan wilayah negara anggota.

Mesyuarat bertemakan 'Kemiskinan di kalangan wanita luar bandar, keluarga mereka dan komuniti' juga akan melantik presiden baru ISC untuk sesi 1998-2000. Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Siti Hasmah juga berkata seperti juga negara membangun lain, wanita miskin di Malaysia kebanyakannya cergas dalam kegiatan pertanian tanpa mendapat ganjaran.

"Kira-kira 50 peratus penduduk negara ini adalah wanita, bagaimanapun, perangkaan 1995 menunjukkan daripada 62.3 peratus keluarga yang bekerja tanpa gaji terutama dalam sektor pertanian, 23.4 peratus adalah wanita," katanya.

Beliau berkata, wanita luar bandar ketinggalan dalam bidang pendidikan.

Kajian 1995 menunjukkan 6.9 peratus wanita bekerja luar bandar yang bekerja tidak mempunyai pendidikan formal, 19.7 peratus hanya bersekolah rendah dan 64.3 peratus menengah.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya agensi kerajaan membangun dan mempromosikan program khusus kepada kumpulan sasar berisiko tinggi seperti wanita luar bandar yang menjadi ketua keluarga sebagai kegiatan tambahan kepada program sedia ada.

"Untuk menggalak dan meningkatkan perusahaan mikro di kawasan luar bandar, pembangunan program pembangunan usahawan wanita luar bandar yang menyeluruh perlu disegerakan serta menggerakkan sumber melalui sokongan bersepadu dan penyelarasan sempurna," katanya.

Dr Siti Hasmah juga berkata, latihan dan mewujudkan sistem pemantauan serta penilaian kemajuan wanita luar bandar tidak kurang penting.

Sambil melahirkan keyakinan bahawa kadar kemiskinan di negara ini akan berkurangan kepada 5.5 peratus pada tahun 2000, Dr Siti Hasmah berkata, usaha kerajaan mewujudkan strategi baru pembangunan luar bandar adalah berkesan.

Katanya, falsafah baru pembasmian kemiskinan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar berubah daripada pembangunan infrastruktur kepada kemanusiaan melalui program pembangunan ekonomi mapan.

Sementara itu, dalam ucapannya, beliau berkata, ahli ISC percaya wanita yang mendapat pendidikan, pemakanan, penjagaan kesihatan, tanah dan pinjaman penting untuk meningkatkan status kehidupan mereka.

(END)